

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

VIP Buyer@ PBAKL mudahkan pembelian buku secara pukal

(4 JUN 2023) BH, P16

Kuala Lumpur: Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023, di sini melalui Perbadanan Kota Buku (PKB) buat pertama kali memperkenalkan program VIP Buyer@ PBAKL bagi memudahkan pembelian secara pukal khususnya dalam kalangan sekolah, perpustakaan dan institusi pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Adibah Omar, berkata melalui program itu, pelanggan yang berdaftar sebagai VIP Buyer ditempatkan di satu ruang khusus, di Bilik Labuan, aras lima, Pusat Dagangan Kuala Lumpur (WTC) di sini, yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan promosi buku.

“Kami menasarkankan pihak sekolah, perpustakaan dan institusi pengajian tinggi serta kementerian yang berdaftar sebagai VIP Buyer.

“Sejak hari pertama PBAKL 2023 dibuka pada 26 Mei lalu, lebih 200 sekolah telah berdaftar, kebanyakannya dalam kalangan guru media dan pustakawan.

“Selain diberikan akses VIP di sini, termasuk ada rak khusus untuk mereka menelaah dan memilih sampel seleksi buku baharu yang ditampilkan pada PBAKL 2023 daripada pelbagai rangkaian penerbit berdaftar, terdapat promosi lain termasuk pembelian buku secara ‘bundle’ dengan harga jauh lebih murah berbanding pasaran,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, PKB turut menyediakan ‘lounge’ lengkap dengan hidangan makanan untuk setiap pelanggan VIP berehat, selain menjadi ruang mempertemukan mereka dengan penerbit buku yang berdaftar.

Adibah turut memaklumkan, individu atau institusi berdaftar yang tidak dapat hadir secara fizikal ke PBAKL 2023, boleh membuat pembelian secara dalam talian menerusi portal Kota Buku Digital.

Senarai buku yang dipesan oleh VIP buyer akan direkodkan

untuk proses sebut harga dan akan dihantar oleh penerbit sebaik PBAKL tamat.

Sementara itu, Editor Perunding Nuha Books, Mohamed Nasser Mohamed, satu daripada penerbit yang berdaftar sebagai VIP Buyer @ PBAKL, berkata program itu memberi ruang dan memudahkan pemain industri buku dikumpulkan dalam satu platform.

“Ini platform yang sangat bermanfaat kerana sebelum ini tidak ada portal yang beroperasi seperti ‘Shopee’ khusus untuk pemain industri buku.

“Daripada sini, kami dapat memuat naik judul yang ingin dipromosikan secara dalam talian, bila-bila masa dan lebih penting, hanya buku yang dijual di portal berkenaan,” katanya.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Parit Raja, Johor, Mohd Rasyiq Ramli, berkata VIP Buyer@PBAKL banyak memudahkan tugas guru terutama bagi mencari bahan bacaan bersesuaian untuk dipamerkan di perpustakaan.

“Banyak kelebihan melalui program ini, satu daripadanya membolehkan guru mendapatkan akses dan maklumat mengenai dunia buku secara lebih efisien.

“Saya sarankan supaya selain buku, portal Kota Buku Digital turut menjual alat bantuan mengajar kerana sebelum ini, guru terpaksa cari sendiri dan membandingkan harga ditawarkan pembekal persendirian,” katanya.

PBAKL 2023 yang berlangsung selama 10 hari di WTCKL akan berakhir hari ini.

Acara tahunan yang berlangsung kali ke-40 itu menampilkan 815 reruai yang disertai pempamer dari dalam dan luar negara.

Sejak tahun lalu, acara perbukuan terbesar di Malaysia itu dianjurkan secara hibrid dengan kerjasama platform e-dagang, Shopee bagi membolehkan akses meluas kepada peminat buku.



Ruang VIP Buyer di PBAKL memudahkan pembelian secara pukal.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)